

**PEMAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP  
KEUNIKAN SENI BINA GEREJA ST. MICHEAL  
SANDAKAN, SABAH : SUATU KAJIAN PERSEPSI**

**DYG SAZWEEN BINTI AWANG AZIZ**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SUBJEK :**

PROJEK PENYELIDIKAN 1 (CFT 3124)

**TAJUK :**

PEMAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP KEUNIKAN SENI BINA GEREJA ST.  
MICHEAL SANDAKAN, SABAH : SUATU KAJIAN PERSEPSI

**DISEDIAKAN OLEH :**

DYG SAZWEEN BINTI AWANG AZIZ (C20A0964)

**PENSYARAH :**

ENCIK SAHRUDIN MOHAMED SOM

**NO TELEFON :**

0199501513

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*Dyg Sazween*

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar:

Dyg Sazween binti Awang Aziz

No. Kad Pengenalan:

000515-12-0790

Tarikh:

13 Febuari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia:

En. Sahrudin  
bin Mohamed Som

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan tugas ini dengan penuh jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada En. Sahrudin bin Mohamed Som, selaku pensyarah penyelaras projek penyelidikan kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada saya untuk melunaskan tugas yang diberikan, selain itu atas tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya dan tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana telah memberikan pemudacara untuk menyiapkan tugas ini dan telah memberikan semangat yang luar biasa kepada saya. Disamping itu saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung . Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.  
Terima Kasih

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

**Perakuan tesis  
Penghargaan  
Abstrak**

### **BAB 1 PENGNALAN**

1.1 Pengenalan	6-8
1.2 Permasalahan kajian	9
1.3 Persoalan kajian	10
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Skop kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	12
1.7 Rumusan bab	13

### **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	14
2.2 Persepsi	15-17
2.3 Seni bina	17-18
2.4 Keunikan Seni Bina	19-20
2.5 Rumusan bab	21

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	22-23
3.2 Proses pengumpulan data	23-26
3.3 Analisis data	27-28
3.4 Rumusan bab	29

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	30
4.2 Data demografi responden	30-34
4.3 Mengenalpasti keunikan seni bina Gereja St.Micheal.	35-42
4.4 Mengkaji peranan seni bina Gereja St. Micheal kepada masyarakat	43-48
4.5 Mengkaji sejauhmana kesedaran masyarakat mengenai seni bina Gereja St. Micheal.	49-54
4.6 Rumusan bab	55

**BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Cadangan	56-57
5.2 Kesimpulan	57

<b>RUJUKAN</b>	58
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	59-64
-----------------	-------

**kajian terhadap Pemahaman Masyarakat Terhadap Keunikan Seni Bina Gereja St. Micheal Sandakan,  
Sabah : Suatu Kajian Persepsi**

**Abstrak**

Kajian ini merupakan satu kajian kes mengenai “ Pemahaman Masyarakat Terhadap Keunikan Seni Bina Gereja St.Micheal Sandakan, Sabah : Suatu Kajian Persepsi” Gereja St. Michael adalah salah satu bangunan batu yang pertama telah wujud di Sabah. Gereja ini memperlihatkan seni bina seperti Gothic. Oleh itu, gereja ini kelihatan seperti yang dipindahkandari perkampungan Inggeris. Seterusnya, gereja ini wujud pada tahun 1888 namun telah diubahusai kepada pembinaan bangunan batu pertama Sabah bermula pada tahun 1893 dan mengambil masa hampir 30 tahun untuk disiapkan . Gereja ini dibina daripada kerja keras Paderi William Henry Elton dan direka oleh warga New Zealand B.W. kajian ini dijalankan untuk bertujuan melihat dan mengukur pemahaman dan persepsi masyarakat mengenai keunikan seni bina Gereja St. Micheal Sandakan, Sabah. Penyelidikan ini dijalankan atas objektif mengenalpasti keunikan seni bina Gereja St.Micheal, mengkaji peranan seni bina Gereja St.Micheal kepada masyarakat dan mengkaji sejauhmana kesedaran masyarakat mengenai seni bina Gereja St. Micheal. Kajian ini dilengkapi dengan hasil dapatan kajian melalui pemerhatian, soal selidik, kajian ilmiah dan fotografi. Kajian pemahaman dan persepsi mengenai keunikan gereja ini dapat mengukur dan menganalaisi masyarakat yang mengentahui keunikan dan nilai estetika sesebuah seni bina Gereja St. Micheal Sandakan, Sabah.

**Kata Kunci** : *Sandakan, Sabah, Gereja St. Micheal, Keunikan, Pemahaman, Seni Bina*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**a study of Community Understanding of the Uniqueness of St. Church Architecture. Micheal Sandakan, Sabah : A Perception Study**

**Abstract**

This study is a case study on "Community's Understanding of the Unique Architecture of St. Michael's Church Sandakan, Sabah : A Perception Study" St. Michael is one of the first stone buildings to have existed in Sabah. This church displays Gothic-like architecture. Therefore, this church looks like it was transplanted from an English village. Next, this church came into existence in 1888 but was modified to the construction of Sabah's first stone building starting in 1893 and it took almost 30 years to complete. The church was built from the hard work of Reverend William Henry Elton and designed by New Zealander B.W. This study was conducted to see and measure the community's understanding and perception of the architectural uniqueness of St. Michael Sandakan, Sabah. This research was carried out with the objective of identifying the uniqueness of the architecture of St. Michael's Church, studying the role of the architecture of St. Michael's Church to the community and examining the extent to which the community is aware of the architecture of St. Michael's Church. Michael. This study is completed with the results of the study through observation, questionnaires, scientific studies and photography. The study of understanding and perception about the uniqueness of this church can measure and analyze the community that knows the uniqueness and aesthetic value of the architecture of St. Michael Sandakan, Sabah.

**Keywords:** *Sandakan, Sabah, Church of St. Micheal, Uniqueness, Understanding, Architecture*



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 PENGENALAN

Negara Malaysia kaya dengan bangunan bersejarah yang unik dan istimewa. Bangunan bersejarah ini mesti dipelihara sebaik mungkin. Tambahn pula, di bawah Akta Kebangsaan 2005 (Undang-undang 645), bangunan sejarah ialah satu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh senibinanya, kehomogenannya atau tempat dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol daripada pandangan sejarah, seni atau sains (Jabatan Warisan Negara 2005). Bangunan dan tempat bersejarah adalah tinggalan masa lalu. Apabila diteliti lebih dekat, bangunan-bangunan ini mempunyai nilai budaya dan seni tersendiri. Bangunan bersejarah ini mempunyai pelbagai cerita tersendiri dan merupakan buktinya wujud sesuatu kaum di dunia.

Sabah merupakan negeri di bawa bayu ianya juga negeri kedua terbesar di Malaysia yang terdiri daripada 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan. Sabah, dengan keluasan 72,500 kilometer persegi, bersempadan dengan Laut China Selatan di sebelah barat, Laut Sulu di timur laut, dan Laut Celebes di timur. pulau terbesar di dunia. Selain itu, Sabah mempunyai beberapa tinggalan sejarah yang terdahulu misalnya negeri Sandakan mempunyai sebuah bangunan tertua iaitu Gereja St. Michael yang telah diiktirafkan sebagai sebuah tapak warisan dunia sejak tahun 2005.

Gereja St. Michael adalah salah satu bangunan batu yang pertama telah wujud di Sabah. Gereja ini memperlihatkan seni bina seperti Gothic. Oleh itu, gereja ini kelihatan seperti yang dipindahkandari perkampungan Inggeris. Seterusnya, gereja ini wujud pada tahun 1888 namun telah diubahusai kepada pembinaan bangunan batu pertama Sabah bermula pada tahun 1893 dan mengambil masa hampir 30 tahun untuk disiapkan . Gereja ini dibina daripada kerja keras Paderi William Henry Elton dan direka oleh warga New Zealand B.W. Gereja ini mula-mula dibina daripada berian (kayu besi), kemudian batu bata, dan akhirnya batu tersebut dikatakan berasal dari Buli Sim Sim yang berdekatan dengan Gereja ini. Manakala batu putih yang menghiasi tingkap dan pintu adalah dari Hong Kong. Batu itu dibekalkan oleh pekerja di Penjara Buli Sim Sim pada harga RM1.25 Setiap kaki batu. Satu batu kaki padu mempunyai berat kira-kira 140 paun dan setiap batu disusun dengan teliti. Tamabahn pula, anjung barat gereja (pintu masuk depan) telah siap dan didedikasikan pada tahun 1925, 32 tahun selepas pembinaan

bermula. Gereja itu terselamat daripada kerosakan teruk semasa Perang Dunia II pada 1940-an dan merupakan salah satu daripada beberapa struktur batu yang tinggal di seluruh Sabah. Tingkap kaca berwarna indah gereja itu disumbangkan oleh warga Australia untuk menandakan ulang tahun ke-60 berakhirnya Perang Dunia II. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini membincangkan tentang persepsi masyarakat mengenai seni bina bangunan bersejarah iaitu gereja lama di Sandakan, Sabah iaitu Gereja St. Micheal.

Seni bina memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sejak zaman dahulu lagi. Apa yang dibangunkan oleh arkitek mempunyai kesan kepada kehidupan seseorang. Oleh itu, adalah amat penting untuk masyarakat memahami keunikan seni binadan kepentingannya dalam kehidupan seharian. Kajian ini mengkaji bagaimana persepsi ataupun tanggapan seseorang dalam sesebuah seni bina. Berikut merupakan mengapa perlunya masyarakat sedar tentang sesebuah seni bina. Pertama, seni bina memainkan peranan penting dalam menentukan reka bentuk bangunan yang memenuhi keperluan masyarakat. Sebagai contoh, seni bina kreatif yang harmoni dengan alam sekitar dapat membantu mengurangkan tekanan dan mewujudkan suasana yang selesa. Masyarakat mesti mengenali keunikan seni bina ini dan memanfaatkannya dengan sebaiknya. Kedua, seni bina juga berfungsi untuk menyampaikan identiti dan budaya sesebuah negara. Melalui seni bina, kita dapat menghayati keindahan budaya, sejarah dan tradisi yang menjadikan negara ini unik. Contohnya, seni bina Masjid Negara Kuala Lumpur yang menunjukkan identiti negara Islam, dan seni bina bangunan bersejarah di Melaka yang memperlihatkan kekayaan sejarah negara kita. Oleh itu masyarakat perlu menyedari kepentingan seni bina sebagai lambang budaya dan keindahan warisan negara yang harus dilindungi dan dihargai. Ketiga, seni bina juga memainkan peranan dalam mempengaruhi ekonomi sesebuah negara. Seni bina yang kreatif dan reka bentuk yang unik dapat menarik perhatian pelancong dan mewujudkan peluang perniagaan untuk bandar. Sebagai contoh, kehadiran Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur telah menjadi destinasi pelancongan dan ikon ekonomi negara. Komuniti harus menyedari kepentingan identiti seni bina dalam membangunkan ekonomi negara dan membuka peluang kepada masyarakat umum. Kesimpulannya, masyarakat perlu memahami keunikan seni bina dan kepentingannya dalam kehidupan seharian. Seni bina memainkan peranan penting dalam membentuk reka bentuk bangunan yang memenuhi keperluan masyarakat, menunjukkan identiti dan budaya sesebuah negara, serta mempengaruhi ekonomi negara. Oleh itu, orang ramai harus menghargai seni bina,

mengetahui seni bina terkenal dan warisan negara, dan menggunakan seni bina dalam kehidupan seharian mereka.

Justeru, kewujudan bangunan bersejarah ini adalah berakar umbi daripada kebijaksanaan manusia terdahulu dan bermulanya kewujudan sesuatu kaum. Ia juga membawa keunikan tersendiri melalui nilai-nilai seni lampau. Akhirnya, ia mesti dipelihara untuk generasi akan datang dan memberi kesedaran dan minat dalam sejarah masa lalu .



## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Seni bina boleh dilihat dan dialami dari pelbagai perspektif. Di satu pihak, ianya adalah satu kawasan yang bertujuan untuk menyediakan perlindungan, mewujudkan ruang dan memenuhi keperluan sebenar masyarakat. Sebaliknya, ia juga berfungsi sebagai alat ekspresi budaya yang mendalam, mencerminkan nilai, kepercayaan dan aspirasi masyarakat. Oleh itu, sesebuah seni bina mempunyai peranan dan perlu disedari oleh masyarakat. Namun dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penghargaan orang ramai terhadap seni bina telah merosot yang menimbulkan kebimbangan bahawa bentuk ekspresi artistik ini semakin berkurangan kepentingannya dan peranannya.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dikesan, maka persoalan kajian ialah :


- I. Apakah keunikan seni bina Gereja St.Micheal ?
- II. Apakah peranan seni bina Gereja St.Micheal kepada masyarakat ?
- III. Apakah kesedaran masyarakat mengenai seni bina Gereja St.Micheal ?

## 1.3 OBJEKTIF KAJAIN

Objektif kajian ialah untuk :

- I. Mengenalpasti keunikan seni bina Gereja St.Micheal.
- II. Mengkaji peranan seni bina Gereja St.Micheal kepada masyarakat.
- III. Mengkaji sejauhmana kesedaran masyarakat mengenai seni bina Gereja St. Micheal.

#### 1.4 SKOP KAJIAN



**Rajah 1.1 Peta Gereja St.Micheal Sandakan, Sabah.**

Dalam kajian ini, skop kajian hanya tertumpu di lokasi kajian sahaja iaitu di Gereja St.Micheal Sandakan Sabah. Beralamat 51, Jalan Puncak, Pusat Bandar Sandakan, 90000 Sandakan, Sabah. Tambahan pula, gereja ini berdekatan dengan sebuah sekolah menengah yang mengambil nama dari gereja ini iaitu SM. ST. Micheal. Pengkaji memilih lokasi kajian ini kerana Gereja St. Micheal ini mempunyai seni bina yang berbeza daripada seni bina gereja-gereja yang ada di kawasan ini. Bahkan, kawasan kajian ini terletak berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Hal ini memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap Gereja St.Micheal.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pengkaji mendapati bahawa kajian ini mempunyai kepentingannya tersendiri seperti kepentingan bangunan bersejarah dalam mendidik, ekonomi, budaya, sains dan teknologi dan masyarakat.

### **1.5.1 KEPENTINGAN KEPADA EKONOMI NEGARA**

Kepentingan bangunan bersejarah kepada negara kita melalui sektor ekonomi negara akan meningkat. Ini kerana bangunan bersejarah ini merupakan tarikan pelancong. Oleh itu, ia menyumbang kepada kemakmuran pembangunan industri pelancongan negara kita. Dengan perbezaan kadar pertukaran, ekonomi negara kita akan menjadi stabil. Nampaknya pelancong yang berpendidikan akan terpicat dengan kepelbagaian budaya yang ada. Tambahan pula, bangunan bersejarah menjadi tarikan pelancong dan boleh menjadi sumber pendapatan negara.

### **1.5.2 KEPENTINGAN KEPADA MASYARAKAT**

Kepentingan bangunan bersejarah kepada masyarakat adalah untuk menyemai semangat patriotisme khususnya dalam kalangan remaja masa kini yang lemah semangat patriotisme. Selain itu, ia adalah untuk memberi contoh dan panduan kepada masyarakat. Selain itu, penyelidikan ini dapat membantu masyarakat mengetahui tentang seni reka yang boleh mempengaruhi individu dan memperoleh lebih banyak pengetahuan. Akhir sekali, adalah mungkin untuk mendidik masyarakat tentang pengaruh seni reka bentuk bangunan bersejarah yang unik.

## 1.6 RUMUSAN BAB

Gereja St.Micheal merupakan satu bangunan yang mempunyai nilai kesenian tersendiri yang lain daripada gereja yang ada di sekitar kawasan Sandakan, Sabah. Bahkan nilai warisannya yang mahal menyebabkan pengkaji tertarik dengannya. Gerejayang tertua dan yang pertama ditubuhkan di Sandakan, Sabah ini harus sentiasa dipelihara bagi memastikan kelangsungan usia bangunan. Oleh itu, pengkaji membuat kajian ini agar masyarakat sekeliling dan juga orang luar negeri dapat mengetahui dan mengenal sedikit sebanyak dengan keindahan dan keunikan seni rekaan Gereja St.Micheal ini. Akhir sekali, wajarlah kajian ini dijalankan bagi memastikan warisan negeri tidak dilupakan dan dapat disebarkan kepada seluruhmasyarakat.



## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, kajian lepas telah dijadikan rujukan oleh pengkaji. Kajian lepas ini membantu penyelidik mendapatkan maklumat penting dan boleh membantu memperbaiki sebarang kekurangan dalam kajian. Penyelidik telah tertumpu dalam beberapa kajian lepas yang sesuai dijadikan rujukan.

Selain itu, bab ini juga membincangkan penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar siswazah berhubung dengan penyelidikan yang sedang dijalankan. Menurut definisi D.N & Beile, P (2005), fokus kajian ini adalah membezakan perkara yang perlu dikaji dalam penyelidikan, untuk mencari pemboleh ubah yang berkaitan dengan topik penyelidikan baru, dan untuk mengabungkan bahagian penulisan yang dipetik daripada pelbagai sumber yang berbeza dan dalam mendapat perspektif baharu mengenai topik sama. Selain itu, Amran Mat Ariffen (t.th) juga mentakrifkan sorotan literatur seperti ini sebagai pengetahuan yang diperolehi daripada jurnal, buku, dokumen (laporan, persidangan), penyelidikan lepas (kertas kerja), dalam talian (laman web) dan sebagainya. Zulkarnain (2001) menyiapkan kajian lepas sebelum memulakan kajian bagi mengelak daripada menduplikasi dapatan orang lain. Ini juga secara tidak langsung membolehkan mengenal pasti jurang dan penambahbaikan kelemahan penyelidik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 PERSEPSI

Rujukan mengenai persepsi. Stephen P. Robbins (2005) mentakrifkan persepsi; Proses di mana individu mengatur dan mentafsir tanggapan deria mereka untuk memahami persekitaran mereka. Selain itu, menurut Kinichi dan Kreitner (2003:67) Persepsi adalah proses kognitif yang membolehkan kita mentafsir dan memahami persekitaran kita. Persepsi pada dasarnya adalah proses kognitif yang dialami oleh manusia untuk memahami maklumat tentang persekitaran mereka. melalui penglihatan, pendengaran, pertimbangan, sentuhan dan bau. Kunci untuk memahami persepsi terletak pada menyedari bahawa persepsi adalah tafsiran unik tentang situasi, bukan rekod sebenar situasi itu. Persepsi adalah proses seseorang itu menerima dan menterjemahkan rangsangan yang wujud di sekelilingnya (Walter, 1974) melalui tingkah laku atau reaksi terhadap apa yang dilihat, didengar dan diterima. Jika sesuatu perkara itu mampu menarik perhatian seseorang, maka persepsi yang positif akan kelihatan dari individu tersebut, manakala persepsi negatif akan terbentuk oleh seseorang yang merasakan bahawa sesuatu perkara itu tidak menarik minat, cita rasa, motivasi dan sebagainya dari pihak individu tersebut (Morris, 1976).

Artikel yang dibahas oleh Herda Sabriyah Dara Kospa (1 Julai 2018). Iaitu Kajian persepsi dan perilaku masyarakat terhadap air sungai. Dalam kajian penyelidikan ini memberi tumpuan kepada Pencemaran sungai di Indonesia terutama di kota-kota besar telah berdampak negatif bagi lingkungan sekitar, terutama warga yang bermukim di bantaran sungai. Penyebab tercemarnya sungai salah satunya adalah kontribusi masyarakat yang masih kurang memiliki kesadaran untuk memperhatikan sanitasi. Perilaku manusia yang menyumbang pencemaran sungai antara lain kebiasaan mandi, cuci, dan membuang hajat di sungai. Selain itu, tinja yang diserap oleh mobil tangki langsung dibuang ke sungai tanpa pengolahan terlebih dulu. Peran serta masyarakat dalam pengelolaan sumber daya alam sebagai salah satu prasyarat dalam mewujudkan pembangunan berkelanjutan. Masyarakat lokal dianggap sebagai pihak yang paling mengetahui keadaan lingkungan sekitarnya. Pengambilan keputusan yang melibatkan masyarakat akan merefleksikan aspirasinya sehingga akan diperoleh keputusan yang lebih baik. Hasil kajian ini menunjukkan bahwa faktor utama yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap air sungai antara lain: keyakinan, interpretasi terhadap konsepsi mengenai hakikat lingkungan alam, interpretasi terhadap ajaran agama/kepercayaan, pendidikan, dan kebutuhan. Persepsi masyarakat terhadap

pelestarian air sungai hanya membentuk perilaku individu yang positif tetapi tidak membentuk perilaku yang baik terhadap lingkungan baik lingkungan fisik dan sosial. Kesadaran masyarakat terhadap lingkungan harus diawali dari kesadaran keluarga serta peran pemerintah difokuskan untuk mendorong masyarakat secara persuasif, bukan paksaan. Peran pemerintah difokuskan untuk menginformasikan kerugian dari buruknya kualitas air sungai dan mempromosikan manfaat-manfaat yang diperoleh dengan kondisi air sungai yang baik, sehingga dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap lingkungan.

Selain itu, artikel seterusnya yang dibahas oleh Fazlena Abd. Rahim dan Mohamed Mohamed Tolba Said. Dalam kajian ini membahas mengenai Putrajaya merupakan pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang mana di awal pembangunannya telah dirancang sebagai bandar Islamik. Objektif kajian ini adalah menganalisis imej visual persekitaran alam bina yang memberikan identiti kepada Putrajaya menerusi persepsi orang awam dan profesional. Modenisasi dan kurang jelas tafsiran seni bina Islamik telah mewujudkan krisis identiti dalam gaya seni bina, kecelaruan identiti dan menjejaskan identiti reka bentuk bandar Islamik. Kajian ini menggunakan metodologi campuran kuantitatif dan kualitatif. Kajian soal selidik terhadap lebih kurang 500 orang awam dan temu bual bergambar terhadap lebih kurang 100 orang profesional dalam bidang alam bina telah dijalankan untuk menganalisis imej visual identiti Putrajaya. Hasil kajian mendapati reka bentuk bandar Putrajaya mempunyai nilai estetik yang tinggi dan budaya Islam melalui ciri Islamik Timur Tengah bagi merealisasi penerapannya sebagai bandar Islamik. Bagaimanapun, gaya moden yang mendominasi, campuran dan kepelbagaian serta kurangnya identiti tempatan mewujudkan identiti yang kurang jelas dan budaya tersendiri yang lemah. Penemuan kajian ini boleh dimanfaatkan untuk memperkasakan imej visual bandar Putrajaya yang jelas sebagai bandar Islamik yang mempunyai identiti tempatan dan tersendiri untuk meningkatkan daya tarikan kepada pengguna bandar.

Di samping itu, artikel yang disampaikan oleh Lalu Mulyadi dan Gaguk Sukowiyono yang bertajuk Kajian Bangunan Bersejarah di Kota Malang sebagai Pusaka Kota (Urban Heritage) Pendekatan Persepsi Masyarakat yang membincangkan mengenai Kota Malang adalah sangat kaya terhadap bangunan bersejarah. Bangunan-bangunan bersejarah tersebut perlu diketahui secara pasti untuk ditetapkan sebagai pusaka kota (urban heritage) dengan harapan kota Malang masih menunjukkan karakteristik dan identitasnya sebagai kota Kolonial. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui bangunan-bangunan

bersejarah di kota Malang. Variabel penelitian yang digunakan adalah bangunan bersejarah. Sedangkan pengambilan data dilakukan melalui tiga metode yaitu kuesioner, interpretasi foto, dan wawancara serta menggunakan pendekatan persepsi masyarakat yang tinggal di kota Malang. Analisis yang dilakukan adalah analisis triangulasi artinya keseluruhan data yang telah dikumpulkan melalui tiga metode tersebut akan didiskusikan secara terpisah kemudian hasil diskusi oleh masing-masing metode akan dilakukan penggabungan atau didiskusikan kembali. Hasil penelitian ini menunjukkan bahwa bangunan bersejarah yang berada di beberapa lokasi di kota Malang dapat ditetapkan sebagai pusaka kota (urban heritage).

### 2.3 SENI BINA

Rujukan mengenai seni bina. Ahmad dan Mujani (2013) Beliau menjelaskan bahawa seni bina boleh dibahagikan kepada dua bahagian: seni dan seni bina. Seni ialah istilah Latin yang memberi tumpuan kepada kerja tangan danarca. Perkataan bangunan ialah ilmu merancang, mereka bentuk dan membina bangunan artistik.

Artikel yang dibahas oleh Azmal Sabil, Hanita Yusof dan Nangkula Utaberta. Iaitu Idea dan pemikiran seni bina melayu moden razin mahmood. Dalam kajian penyelidikan ini memberi tumpuan kepada pengadaptasian bahasa senibina luar ke dalam rekabentuk bangunan di Malaysia dilihat telah menjadi sebagai ancaman kepada pembangunan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan warisan kebudayaan dan kesenian. Seawal tahun 1950-an, pelbagai usaha telah dijalankan bagi menzahirkan identiti senibina nasional yang dapat mencerminkan kekayaan nilai kebudayaan dan kesenian di Malaysia. Usaha ini disambut baik oleh pihak kerajaan dan juga arkitek pada ketika itu, di mana warisan kesenian Melayu tradisional telah sepakati sebagai asas pembangunan identiti seni bina nasional. Setelah hampir 70 tahun, perbincangan mengenai identiti senibina nasional ini masih lagi giat diwacanakan dan dibahaskan. Tempoh masa yang panjang ini telah melahirkan pelbagai reaksi, yang mana sebahagiannya melihat isu mengenai pembangunan identiti ini sebagai hanya isu kecil yang tidak perlu diambil berat di dalam aspek reka bentuk dan pembangunan. Senario ini terjadi disebabkan pemahaman konstruk identiti senibina nasional yang bersifat statik, sehingga membataskan pembangunan identiti hanya pada nilai rekabentuk fizikal bangunan sahaja. Pembangunan bahasa senibina Melayu moden telah dicadangkan sebagai salah satu jawapan kepada pembangunan identiti senibina nasional yang lebih

holistik. Di dalam kajian ini, konsep dan pemikiran seni bina Melayu moden Arkitek Razin Mahmood telah didokumentasi. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah pendapat pakar, di mana sesi temubual telah dilaksanakan. Hasil dapatan kajian ini akan menyumbang kepada tipologi pemikiran senibina Melayu Moden di dalam usaha memberi jawapan kepada pembangunan identiti senibina nasional yang lebih komprehensif di Malaysia.

## 2.4 KEUNIKKAN SENI BINA

Rujukan mengenai keunikan seni bina. Mulyadi Mahamood (1995) menyatakan bahawa artis masa kini lebih mementingkan pengalaman kecantikan. Ini menerangkan bagaimana keindahan sesebuah karya seni dapat dirasai sepanjang zaman. Pencinta seni biasanya bertindak sebagai subjek dan karya seni sebagai objek. Dalam apresiasi seni, subjek adalah penonton dan objek adalah karya. Hubungan antara pencinta seni dan makna karya adalah saling melengkapi, kerana pencinta seni mempamerkan reaksi spontan hasil daripada estetika dan ekspresi seni.

Artikel yang di bahas oleh Nur Nasiha Muhamad Hasani (2018) Keunikan seni bina Istana Jahar dan kepentingannya kepada industri pelancongan di Kelantan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan. Iaitu Kajian ini adalah tentang keunikan seni bina yang terdapat pada bangunan bersejarah iaitu Istana Jahar. Istana Jahar telah dibina sepenuhnya dengan menggunakan kayu pada tahun 1837-1886 semasa pemerintahan Sultan Muhammad II. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti setiap keunikan atau keistimewaan yang terdapat di dalam bangunan bersejarah atau muzium tersebut yang mampu meningkatkan pemasaran industri pelancongan di Kelantan. Hal ini demikian kerana dengan adanya kewujudan bangunan bersejarah yang unik dan mempunyai nilai estetika, ia mampu meningkatkan ekonomi dan industri pelancongan di Kelantan yang semakin berkembang selain dapat mengkaji sejauhmana tarikan warisan budaya dapat mempengaruhi para pelancong yang datang ke negeri ini. Tambahan lagi, bagi mencapai setiap objektif kajian yang dilakukan, alat kajian kualitatif telah digunakan seperti pemerhatian, temubual dan perbandingan dengan kesemua muzium bagi mengenalpasti setiap keunikan yang diterapkan dan penerimaan para pelancong terhadap bangunan tersebut. Hasil daripada setiap dapatan kajian akan di analisis untuk memperolehi setiap maklumat dan data yang lengkap. Kesimpulannya, dengan adanya keunikan yang berbeza dengan bangunan bersejarah yang lain, Istana Jahar mampu membangunkan industri pelancongan di Kelantan dan mampu untuk terus berkembang dengan maju.

Seterusnya , artikel yang dibincangkan oleh Nur A’adilah Abu Hanifah (2022) Keunikan Seni Bina Rumah Kutai Di Kawasan Pasir Salak, Perak. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Membahaskan Kajian tertumpu kepada rumah tradisional Perak iaitu Rumah Kutai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keunikan dan keunikan seni bina yang terdapat di Rumah Kutai, mengenal pasti faktor Rumah Kutai kurang diminati masyarakat pada masa kini, dan mengenal pasti langkah-langkah memelihara tempat kutai. Kajian ini tertumpu di sekitar Pasir Salak, Perak. Kawasan Pasir Salak mempunyai beberapa buah Rumah Kutai yang masih kukuh sehingga kini. Namun kajian ini tertumpu kepada Rumah Kutai milik Kak Wok. Rumah ini merupakan rumah tertua di sekitar Pasir Salak, Perak. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif: kaedah tinjauan, pemerhatian, temubual, dan kaedah perpustakaan. Hasil kajian melalui pemerhatian dan temubual menunjukkan Rumah Kutai mempunyai keunikan dari segi seni bina. Bagaimanapun, Rumah Kutai itu diancam kepupusan kerana masyarakat tidak sedar akan nilai dan kepentingan rumah tradisional itu. Justeru, pelbagai kaedah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan dan kepentingan yang terdapat di Rumah Kutai ini. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang Rumah Kutai.

### 2.3 RUMUSAN BAB

Bab ini meninjau kerja terdahulu oleh saintis terdahulu. Sorotan kajian yang dijalankan oleh penyelidik terbukti daripada tajuk kajian. Secara keseluruhannya, kajian terdahulu oleh saintis terdahulu menfokuskan bukan sahaja kepada kaedah guna semula, tetapi juga kepada aspek pemuliharaan. Perselisihan pendapat di kalangan saintis membantu penyelidik memahami sepenuhnya kajian ini. Pandangan saintis ini boleh dijadikan rujukan untuk menfokuskan lagi kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**


#### **3.1 PENGENALAN**

Metodologi berasal daripada bahasa Yunani (Latin) yang membawa maksud kaedah dalam penyelidikan saintifik. Metodologi ialah cara, kaedah, atau sistem yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan dan menganalisis sesuatu kajian. Ia melibatkan pengumpulan data dan maklumat, serta analisis data. Menurut kamus Dewan Bahasa edisi keempat, definisi metodologi ialah satu set ilmu dan peraturan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang paling banyak ditentukan. Tambahan pula, metodologi adalah kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian dengan kaedah yang berkesan untuk menjawab masalah kajian. Menurut Othman Ahmad (2001), metodologi adalah kaedah yang sistematik menggabungkan pendekatan kajian yang digunakan serta analisis data bagi memastikan kajian yang dijalankan dapat dicapai dengan baik.

Bab ini pengkaji Bagi memberikan gambaran mudah dalam kajian ini, pengkaji merumuskan secara ringkas dalam rajah 3.1 di bawah:







Rajah 3. 1 Carta alir reka bentuk kajian

### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data ialah proses, kaedah atau tindakan mengumpul atau menyusun data untuk mendapatkan maklumat untuk penyelidikan (Afid Burhanuddin, 2014). Menurut Sabitha Merican (2015), data ialah ciri-ciri, peristiwa, fakta, atau pengiraan ukuran peristiwa yang boleh dikira. Teknik pengumpulan data ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan. Oleh itu, sumber yang digunakan untuk proses pengumpulan data kajian ini ialah data primer kerana kaitan dengan objektif kajian saya hanya tertumpu pada sumber asli sahaja.

#### **3.2.1 SUMBER PRIMER**

Menurut Yusof (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temu bual dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini hanya menggunakan proses pengumpulan data seperti pemerhatian, temu bual dan soal selidik sahaja.

##### **3.2.1.1 PEMERHATIAN**

Menurut Mohamad dan Lim pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asal yang hendak dikaji. Seorang pemerhati yang berada di tempat peristiwa berlaku, boleh melihat langsung bagaimana hal tersebut dilakukan. Dengan melihat secara langsung, pengkaji mempunyai kefahaman sebenar mengenai maklumat yang dikumpul. Di mana pengkaji akan melihat sendiri kawasan kajian iaitu Gereja St. Micheal, pengkaji akan mengumpul maklumat dan data yang ada. Kaedah pemerhatian ini akan memberikan beberapa tambahan untuk kajian pengkaji dalam mengenalpasti seni bina Gereja St. Micheal ini. Tambahan pula, bagi menjawab ketiga-tiga objektif, pengkaji boleh memerhati sejauh manakah seni bina ini mempengaruhi masyarakat sekeliling

### 3.2.1.2 KAEDAH SOAL SELIDIK

Gillham (2000) menyarankan supaya borang soal selidik dibina antara 4 hingga 6 muka surat sahaja. Sesetengah individu lebih gemar menggunakan bahasa komunikasi berbanding dengan menulis perkataan. Kemungkinan responden menjawab soalan dengan sambil lewa, memberijawapan yang kurang tepat atau mengelirukan.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menyediakan borang soal selidik yang akan diberikan kepada masyarakat bagi menjawab objektif iaitu mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap kesenian rekaan Gereja St.Micheal. Tambahan pula, pengkaji akan memberikan borang soal selidik kepada masyarakat umum yang berdekatan kawasan kajian tanpa mengira agama. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengetahui tahap kesedaran masyarakat setempat sahaja. Soal selidik ini akan menggunakan platform “Google Form” untuk memudahkan responden menjawab soalan. Tambahan pula, soal selidik ini akan diberikan kepada semua golongan tanpa mengira bangsa, agama dan lain-lain. Pengkaji juga akan memberikan fokus soal selidik kepada generasi muda berumur di antara 18 sehingga 60 tahun. Hal ini untuk mengukur kesedaran generasi muda mengenai sesebuah seni bina. Kajian ini akan tertumpu kepada penduduk sekitar lokasi kajian sahaja. Pengkaji akan memberikan 150 orang responden untuk menjawab soalan. Antara soalan yang akan dikemukakan kepada responden ialah Adakah anda setuju bahawa seni bina Gereja St.Micheal ini memberikan kesedaran perannya terhadap generasi akan datang ? sila berikan sebab anda jika anda bersetuju atau tidak bersetuju.

MALAYSIA

KELANTAN

### **3.2.2 SUMBER SEKUNDER**

Menurut Hasan (2002) Data sekunder merupakan data yang diperoleh atau dikumpulkan oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Data ini digunakan untuk mendukung informasi primer, dimana data ini bisa diperoleh yaitu dari bahan pustaka, literatur, penelitian terdahulu, buku, dan lain sebagainya. Sumber sekunder juga digunakan oleh pengkaji untuk mendapat data. Antaranya sumber sekunder pengkaji gunakan ialah internet, artikel dan buku, hal ini kerana internet adalah sumber yang mudah diakses dan boleh digunakan untuk kajian. Selain itu, pengkaji mendapatkan maklumat daripada artikel-artikel yang boleh digunakan sebagai rujukan. Disamping itu, pengkaji juga menggunakan buku-buku yang terdapat di perpustakaan untuk mendapatkan data awal. Kaedah ini adalah yang paling penting dalam setiap kajian kerana maklumat dan bahan bacaan ini mengandungi data yang sebahagiannya boleh dipercayai dan telah terbukti sahih sebelum dikumpul menjadi sumber bercetak.

#### **3.2.2.1 INTERNET**

Pengkaji telah menggunakan sumber internet bagi mendapatkan data kajian. Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan sumber yang mudah diperolehi dan sering menjadi pilihan bagi menjalankan suatu kajian. Melalui sumber ini pengkaji akan mendapat beberapa buah pikiran yang lebu sistematis dan proaktif dengan lebih terperinci. Pengkaji turut mencari sejarah mengenai gereja ini dan yang berkaitan dengan kajian-kajian ini di laman-laman web rasmi mahupun blog yang boleh didapati di 'Google'.

#### **3.2.2.2 ARTIKEL**

Tamabahan pula, pengkaji turut menemukan beberapa maklumat berkaitan dengan kajian ini melalui artikel-artikel. Maklumat yang didapati adalah data yang sangat berguna kepada pengkaji kerana ianya dapat membantu pengkaji dalam menulis kajian yang berkualiti tinggi untuk menjawab objektif dan persoalan mengenai penyelidikan yang telah dijalankan.

### 3.2.2.3 BUKU

Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan sumber buku bagi menyokong pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Data yang dikumpul oleh pengkaji didapati dalam kebanyakan kamus bahasa yang menerangkan maksud bangunan bersejarah, buku-buku yang tertulis mengenai sejarah gereja st.micheal dan lain-lain.



### 3.3 ANALISIS DATA


Araghana dan Lexy J. Moleong (2002) menyatakan kaedah analisis data adalah satu proses mengatur urutan data, mengorganisasikan dalam pola, kategori dan unit penerangan asas. Manakala Menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan setakat mengekod dan membentuk tema-tema untuk data yang dipungut, "It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking questions about the data, and so on, making comparisons between data, and in doing so, deriving concepts to stand for those data, then developing those concepts in terms of their properties and dimensions (hlm. 66). Beliau menerangkan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan terhadap data yang dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis semua data yang diperolehi melalui dua kaedah analisis data iaitu kualitatif dan kuantitatif. Ianya sesuai dengan proses pengumpulan data kajian yang diambil kira oleh pengkaji.

#### 3.3.1 ANALISIS DATA KUANTITATIF

Kaedah kuantitatif ialah kaedah pengumpulan data yang melibatkan penggunaan nombor dan statistik. Statistik adalah data yang dikumpul yang melibatkan pengiraan seperti peratusan, mod, dan min. Ia merupakan pendekatan yang lebih berstruktur, mudah dan berorientasikan hasil. Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik. Dengan menggunakan kaedah soal selidik, soal selidik boleh digunakan untuk menyokong dapatan kajian. Keputusan akan lebih konsisten kerana hasil analisis dibuat berdasarkan penggunaan nombor.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis data kuantitatif untuk soal selidik responden. Oleh kerana, kuantitatif yang bersifat nombor dan boleh diukur, pengkaji akan menganalisis kesemua data jawapan soal selidik responden dengan mengikut nombor dan teratur. Untuk meringkaskan kaedah pengkaji merumuskan seperti gamabar rajah 1.5 di bawah :



**Gambar rajah 3.2 Carta alir analisis data kuantitatif**

Proses pertama ialah pengumpulan data. Di dalam proses awal ini, pengkaji akan mengumpul semua jawapan responden daripada soal selidik yang pengkaji edarkan. Selepas itu, pengkaji akan menyusun mengikut urutan umur 18 tahun dan keatas. Untuk memudahkan pengkaji memasukkan data-data soal selidik tersebut.

Proses kedua ialah membina statistik. Setelah proses pertama selesai, pengkaji akan menggunakan kehebatan teknologi komputer untuk memasukkan data-data tersebut kedalam statistik kajian ini. Oleh itu, peratusan daripada jawapan setiap responden akan terhasil dan data akan diterima mengikut soal selidik tersebut. Proses terakhir ialah laporan. Setiap peratusan yang terhasil pengkaji akan membuat laporan dan menghuraikan. Laporan ini juga pengkaji akan membuat kesimpulan daripada keberkesanan mengkaji sejauhmanakah kesedaran masyarakat ini mengetahui seni bina.

### 3. 5 RUMUSAN BAB

Oleh itu, dapat dilihat bahawa bahagian metodologi kajian ini merupakan salah satu aspek terpenting dalam melaksanakan sesuatu kajian. di mana metodologi ini memainkan peranan bagaimana sesebuah data itu diperolehi bagi menjawab objektif dan persoalan kajian tersebut. justeru itu, pengkaji perlu meneliti dengan betul agar bahagian ini tidak menjejaskan kajian yang dilaksanakan pengkaji.





## **BAB 4**


### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian mengenai pemahaman masyarakat terhadap keunikan seni bina Gereja St. Micheal Sandakan, Sabah : Suatu kajian persepsi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai langkah pengumpulan data dan analisis data yang sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan. Sumber primer dan sekunder memperngaruhi keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian. Setiap kaedah yang dijalankan oleh pengkaji akan direkodkan secara terperinci dan tepat tanpa meninggalkan sebarang apa-apa maklumat penting. Kesemua dapatan yang telah diperolehi untuk menjawab kesemua persoalan kajian dan seterusnya memenuhi objektif kajian yang telah digagaskan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, bab ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai segala persoalan kajian dan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

#### **4.2 DATA DEMOGRAFI RESPONDEN**

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyenaraikan maklumat mengenai latar belakang responden dan demografi responden yang terlibat bagi melengkapkan kajian ini. Sehubungan itu, data-data yang diperolehi ini adalah daripada soalan yang telah dijawab oleh responden melalui soal-selidik yang dihasilkan dan diberikan oleh pengkaji secara atas talian dalam bentuk *Google Form*. Maklumat yang diperolehi ini adalah berkaitan dengan jantina, agama, umur dan kaum responden dalam bentuk carta pai seperti yang ditunjukkan di bawah :


**a) JANTINA RESPONDEN**

**Gambar rajah 4.1 Taburan responden mengikut jantina.**

Bagi taburan responden mengikut jantina yang menjawab soal selidik ini adalah seperti carta pai di atas. Menerusi carta tersebut dapat dilihat bahawa seramai 78 orang responden atau sebanyak 52% adalah terdiri daripada responden lelaki. Manakala seramai 72 orang responden atau sebanyak 48% adalah terdiri daripada responden perempuan.

Secara keseluruhannya, responden lelaki lebih tinggi dalam menjawab soal selidik ini. Hal ini berkemungkinan, golongan lelaki lebih mudah memberikan kerjasama dan lebih berminat menjawab soal selidik berbanding dengan golongan perempuan.

MALAYSIA  
KELANTAN


**b) AGAMA**

**Gambar rajah 4.2 Taburan responden mengikut agama.**

Bagi taburan responden mengikut agama yang menjawab soal selidik ini adalah seperti carta pai di atas. Menerusi carta tersebut dapat dilihat bahawa seramai 118 orang responden atau sebanyak 78.7% adalah terdiri daripada responden yang beragama Islam. Manakala seramai 20 orang responden atau sebanyak 13.3% adalah terdiri daripada responden yang beragama Kristian. Selain itu, seramai 10 orang responden atau sebanyak 6.7% adalah terdiri daripada responden yang beragama Buddha. Akhir sekali, seramai 2 orang responden atau sebanyak 1.3% adalah terdiri daripada responden yang beragama lain-lain.

Secara keseluruhannya, peratusan yang tertinggi dapat dilihat iaitu responden yang beragama Islam. Ianya berkemungkinan kerana responden beragama Islam lebih berminat menjawab berbanding dengan agama yang lain. Kelemahannya ialah pengkaji kurang menarik agama lain untuk menjawab soal selidik ini.


c) **UMUR**



**Gambar rajah 4.3 Taburan responden mengikut umur.**

Bagi taburan responden mengikut umur yang menjawab soal selidik ini adalah seperti carta pai di atas. Menerusi carta tersebut dapat dilihat bahawa seramai 107 orang responden atau sebanyak 71.3% terdiri daripada responden yang berumur di lingkungan 19 tahun hingga 29 tahun. Manakal seramai 33 orang responden atau sebanyak 22% terdiri daripada responden yang berumur di lingkungan 30 tahun hingga 49 tahun. Seterusnya, seramai 8 orang responden atau sebanyak 5.3% terdiri daripada responden yang berumur di lingkungan 50 tahun hingga 59 tahun. Akhir sekali, seramai 2 orang responden atau sebanyak 1.3% terdiri daripada responden yang berumur di lingkungan 60 tahun ke atas.

